

# Profesional tidak kenang budi diselar

Um - 17/3/2004, pg. 4



DR. MAHATHIR disambut meriah ketika menyertai ceramah pilihan raya di Seksyen 18 Shah Alam, semalam.

**S**HAH ALAM 16 Mac — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan setengah profesional Melayu yang menyokong dan menjadi calon parti pembangkang pada pilihan raya kali ini sebagai tidak mengenang budi.

Katanya, sepatutnya mereka berterima kasih kepada kerajaan yang banyak membantu mereka memperoleh pendidikan yang baik.

“Malangnya, pada hari ini, ada juga di antara mereka termasuk doktor yang masuk Pas. Apa yang Pas tolong mereka? Kita (kerajaan) yang sedia tempat, kita bagi biasiswa, tapi mereka tidak kenang budi.

“Ini bukan tabiat orang Melayu. Kita selalu disuruh balas budi. Kita mesti balas budi apabila seseorang memberi sesuatu kepada kita, kita kata terima kasih, alhamdulillah, syukur, itu cara orang Melayu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada ceramah pilihan raya di tempat letak kereta di rumah pangsa Seksyen 18 di sini hari ini.

Hadir sama ialah calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Shah Alam yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, calon BN Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga, Datuk Salomon Selamat dan calon BN bagi DUN Kota

Anggerik, Datuk Ahmad Nawawi Md. Zin.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh pemimpin parti-parti komponen BN dan kira-kira 2,000 orang penduduk di sekitar Shah Alam.

Dr. Mahathir juga memberitahu, Pas ternyata menjadi perosak kepada budaya turun menurun orang Melayu kerana mempengaruhi para penyokongnya melupakan amalan orang timur seperti berterima kasih dan bersyukur kepada mereka yang pernah berbudi.

“Ini semua cara Pas yang merosakan budaya orang Melayu. Budaya orang Melayu ialah kita harus bersyukur dan terima kasih kepada sesiapa yang beri pertolongan kepada kita tetapi apa yang Pas ajar lain,” ujarnya.

Katanya, Pas mengajar para penyokongnya supaya jangan berterima kasih kepada kerajaan sedia ada kerana kalau bukan kerajaan BN yang menyediakan kemudahan pun, kerajaan lain juga boleh berbuat demikian

“Tapi kita kena ingat, apa yang kerajaan Kelantan dan Terengganu boleh bagi pun kepada rakyat,” jelasnya sambil menambah pemimpin parti lawan itu sentiasa membuat janji-janji kosong semata-mata bagi mendapatkan undi dan bukan berkhidmat seperti calon BN.

Dalam pada itu, jelasnya, kerajaan BN telah terbukti berjaya membawa Malaysia ‘berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah’ dengan negara-negara lain di dunia termasuk negara-negara maju.

“Fikirkan, negara kita bukan besar cuma ada 25 juta penduduk sahaja berbanding negara lain yang mempunyai lebih 200 juta penduduk dan terdapat lebih 180 buah negara dan kebanyakannya jauh lebih besar dari Malaysia.

“Tetapi kita mendapat tempat ke-17 dalam negara dagangan di dunia walaupun penduduk tidak ramai.

“Ini semua kerana BN yang mendatir dan itu jangan kita lupa,” tegasnya.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr. Mahathir menyifatkan tindakan kebanyakan calon parti pembangkang yang menarik diri daripada bertanding terutama di Sabah kerana mereka tidak mempunyai isu untuk mempengaruhi rakyat.

Beliau juga berkata, dakwaan Pas kononnya UMNO menggunakan politik wang bagi mempengaruhi sesetengah calon pembangkang menarik diri, adalah tidak benar dan UMNO tidak pernah berbuat demikian.

“Kalau dia orang (pembangkang) tidak tarik diri pun, kita menang juga... buat apa nak bayar duit,” jelas beliau.